

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA , PENGGAL KEENAM ,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN  
ATIQULLAH  
[KUBANG KERIAN - PAS]**

**TARIKH : 20 MAC 2017 (RABU)**

**SOALAN NO.64**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bahawa masih ada sungutan berkenaan kualiti padang bola sepak di Stadium Nasional Bukit Jalil. Apakah sebab utama kepada masalah ini, dan berapakan kos yang telah dibelanjakan untuk membina dan menyelenggara padang ini.

153  
**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pihak Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) menukarkan rumput Stadium Bukit Jalil kepada *National Grass*, PSM tidak lagi menerima apa-apa rungutan dari mana-mana pihak. Padang rumput di Stadium Bukit Jalil dijaga dengan baik dan sentiasa diselenggara mengikut jadual oleh kontraktor yang berpengalaman dan berkepakaran bagi memastikan kualiti padang sentiasa tersedia digunakan untuk penganjuran perlawanan-perlawanan peringkat Antarabangsa. Kualiti padang juga telah terbukti melalui kejayaan penganjuran Temasya Kuala Lumpur 2017.
2. Stadium Bukit Jalil kini sedang bersiap sedia untuk perlawanan bola sepak Antarabangsa pada 23 Mac nanti serta penganjuran Asia Rugby Championship pada bulan April dan Mei 2018. Ini menunjukkan keupayaan dan komitmen pasukan penyelenggaraan yang sangat tinggi bagi memastikan rumput tersebut tahan lasak dan boleh digunakan untuk pelbagai acara. Namun begitu penyelenggaraan masih perlu dilakukan secara berterusan dan intensif terutama sekali selepas setiap acara yang melibatkan penggunaan padang (bola sepak, ragbi dan sebagainya). Ini bagi membantu memulihkan keadaan padang supaya dapat digunakan untuk acara seterusnya.

Sekian, terima kasih.